

20 JUN 1999

Umno-gulung (Daim)

DAIM TEPIS TOHMAHAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin yang terkenal sebagai seorang yang "diam", hari ini lantang menepis segala tohmahan yang dilemparkan terhadapnya oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Semasa menggulung perbahasan berhubung perkara-perkara ekonomi pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, beliau menyifatkan Anwar sebagai seorang yang suka "cerita sekerat jalan" tetapi tidak mempunyai apa-apa bukti, di samping suka "tikam dari belakang".

Satu daripada tohmahan tersebut ialah kononnya Daim telah membawa lari RM1 bilion ke Zurich dengan menaiki kapal terbang dan wang itu diletakkan di sebelah tempat duduknya.

Kapten pesawat itu kononnya telah memberitahu perkara itu kepada Bank Negara yang seterusnya memberitahu Anwar lalu Anwar menyampaikannya pula kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daim menyangkal dakwaan sedemikian kerana katanya beliau tidak pernah melihat duit sebanyak itu dan beliau juga bukan jenis yang suka membawa wang tunai, sebaliknya menggunakan kad kredit.

Daim berkata dakwaan itu kurang menyakinkan kerana wang sebanyak itu memerlukan beberapa "briefcase" (beg) untuk membawanya dan ia juga perlu melalui x-ray di lapangan terbang dan tidak mungkin terlepas daripada dikesan.

Menurut Daim, ketika peristiwa tersebut heboh diperkatakan, beliau tidakpun singah di Zurich tetapi sebaliknya ke Budapest dan Prague untuk berucap di sana dan selepas itu beliau pulang ke Malaysia.

Katanya sebagai Menteri Kewangan ketika itu Anwar sepatutnya menyepak dengan Bank Negara kenapa jumlah wang sebesar itu tidak dibawa keluar dalam bentuk cek.

"Dia ingat saya ini seperti luncai, terjun dengan labu-labunya. Takkanlah bodoh sampai begitu," katanya.

Daim berkata Dr Mahathir telah membuat siasatan sendiri dan kapten kapal terbang mengesahkan menerusi sepucuk surat kepada Perdana Menteri bahawa perkara tersebut tidak betul kerana wang RM1 bilion tunai tidak boleh dibawa menaiki kapal terbang.

Daim berkata salinan surat kapten itu yang diberikan oleh Dr Mahathir kepadanya masih ada padanya.

"Cerita macam ini orang susah nak terima...tapi kalau saya tak beri penjelasan mungkin orang percaya.

"Inilah cara dia buat...dia cerita sekerat jalan dan bila PM (Perdana Menteri) minta mana dia keterangan yang Daim bawa duit, dia kata tak boleh, nanti orang (yang beri keterangan) tak mai (tak datang)...orang tak cerita pada saya," katanya.

Tohmahan kedua melibatkan surat yang disebut oleh Anwar di mahkamah yang mendakwa kononnya Daim mengambil duit parti untuk dirinya.

Menurut Daim, apabila beliau hendak bersara pada 1991 (daripada jawatan Bendahari Umno), beliau meminta kebenaran daripada Presiden Umno supaya surat-surat daripada semua orang yang berjanji akan menderma kepada Umno diserahkan kepada presiden parti dan timbalannya.

"Jadi surat itu ada pada dia tapi dia beri gambaran macam dia jumpa surat itu, orang bagi pada dia...padahal saya yang bagi kat (kepada) dia. Surat ini ditulis bukan kepada diri saya tetapi ditulis sebagai Bendahari Umno dan diberi kepada saya dengan penuh kepercayaan supaya tidak diumumkan,"

katanya.

Menurutnya bila jadi begini sukar untuk semua orang ini percaya lagi sedangkan mereka ini sanggup menolong Umno kerana terhutang budi.

"Sekarang orang nak derma pun takut. Saya berpendapat bahawa tujuan dia (Anwar) ialah supaya orang tidak menderma lagi kepada Umno...nanti Umno susah, tak ada duit.

"Jadi cara dia buat kenyataan, dia buat cerita half-truth (separuh benar). Kalau dia cerita semua, baca surat semua, tunjuk bukti semua, memang tak ada apa-apapun tapi ini cara mereka.

"Bila saya nak bersara (dari jawatan bendahari) saya pergi jumpa dia. Dia pujuk saya...jangan Daim...orang lain tak boleh percaya. You sorang saja (boleh buat) kerja ni semua. Kita percaya kat dia tapi dia tikam kita dari belakang," tambahnya.

Daim berkata Anwar malah menuduhnya melesapkan wang Umno sebanyak RM600 juta tetapi, kata Daim, setiap derma ada resit dan akaunnya diberi kepada presiden.

Menurutnya, beliau sendiri tahu ada derma untuk Umno yang tidak sampai kepada parti tersebut, "jadi jangan buat tuduhan pada orang."

Berbeza daripada sebelum ini, Daim berkata Umno kini bebas dari hutang dan kompleks Pusat Dagangan Dunia Putra telah menjadi milik Umno dan sewanya digunakan untuk mengurus parti dan aktiviti Umno.

Daim juga menolak tohmahan kononnya Perdana Menteri tidak berniat untuk bersara kerana menurutnya, Dr Mahathir sudah berkali-kali menyatakan hasrat untuk bersara pada 1998.

"Malah, sebelum hari penamaan calon pilihan raya pada 1995, ramai yang mengetahui bahawa Perdana Menteri akan bersara," katanya.

Anwar yang ketika itu berkempen di Pulau Pinang telah berjumpa Daim di Sungai Petani untuk bersama-sama pergi memujuk Dr Mahathir supaya tidak bersara.

"Sekarang dia kata dia tak dengar (tentang niat PM nak bersara). Tahun 1996 pula dia minta saya tanya presiden bila nak bersara," kata Daim.

Bila Perdana Menteri berkata beliau hendak bersara pada 1998, katanya Anwar telah membuat usul supaya jawatan presiden (Umno) dan juga timbalan presiden tidak boleh dipertandingkan.

Pada 1997, apabila Dr Mahathir menyatakan hasrat hendak bersara, katanya Anwar dan juga beliau sendiri telah menahan hasrat Perdana Menteri tersebut kerana ekonomi agak gawat ketika itu.

Mengenai tohmahan kononnya beliau (Daim) meluluskan lesen perjudian di Sabah, Daim menyangkalnya kerana perkara tersebut berlaku pada 1996 ketika beliau bukan lagi Menteri Kewangan.

"Juga, kononnya Anwar hendak tutup kedai judi tetapi Perdana Menteri tidak benarkan. Apa yang dia tutup?" katanya.

Sebenarnya, pada tahun 1990, menurut Daim, Perdana Menteri telah membuat keputusan untuk memberhentikan operasi Loteri Kebajikan Masyarakat kerana dasar kerajaan ialah tidak mahu terlibat secara langsung dengan judi.

Mengenai Akta Pencegah Rasuah, Daim berkata Anwar pernah menyebut bahawa ramai menteri tidak menyenangi akta tersebut.

Daim mempersoalkan dakwaan itu kerana menurutnya jika menteri tidak menyenangnya, bagaimanakah akta tersebut boleh diluluskan oleh kabinet.

"Memanglah, ada golongan yang memang susah nak percaya sebab dia kata lain...buat lain," kata Daim.

Daim seterusnya mengungkap kata-kata Anwar ketika beliau berada dalam Umno yang menyatakan kata-kata setia serta pujian Anwar kepada usaha kerajaan memerangi rasuah, sistem kehakiman sambil menyatakan bahawa tiada cacat-cela dalam dasar kerajaan.

"Nyata, sekarang beliau sudah bertukar selera," kata Daim.

-- BERNAMA  
sho mai